

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING**  
**KAWASAN : TELOK INTAN**  
**TARIKH : 05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 41**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan Kementerian tersebut untuk kawasan Parlimen Teluk Intan dari tahun 2008 hingga tahun 2020, dengan pecahan ikut nama projek serta kos yang terlibat dengan pecahan tahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 3 projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) di bawah peruntukan pembangunan melibatkan Parlimen Telok Intan dengan kos pelaksanaan sebanyak RM525,372,220.46 dari tahun 2013 hingga tahun 2020. Butiran projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Projek Menggantikan Pembentung “Corrugated Metal Pipe” (CMP) di Laluan Persekutuan – Perak (No. Laluan Di FT058/03/60 Jalan Teluk Intan – Bidor, Hilir Perak. Projek ini melibatkan kos sebanyak RM3,270,411.67 dan tahun pelaksanaannya adalah dari tahun 2013 hingga 2014;
- 2) Projek Menggantikan Jambatan FT58/35/50 Diatas Sungai Ayer Kuning, Daerah Hilir Perak, Perak dengan kos sebanyak RM5,329,044.31. Projek ini dilaksanakan pada tahun 2018 hingga tahun 2020; dan
- 3) Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT005 (Teluk Intan Ke Kg. Lekir) Perak dengan kos sebanyak RM516,772,764.48. Projek ini dijangka siap pada tahun 2021.

Sekian, terima kasih.